

Artikel

Faktor Sokongan Pengundi Kaum Melayu kepada Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15, 2022

(Factors of Malay Voter Support for the National Alliance in the 15th General Election, 2022)

Junaidi Awang Besar*

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: jab@ukm.edu.my

Diserah: 01 Januari 2024

Diterima: 01 Februari 2024

Abstrak: Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, 2022 dilihat berlangsung dalam keadaan tergesa-gesa dan pertikaian orang ramai dan ahli politik terutamanya pihak pembangkang. Namun PRU tersebut tetap diadakan sehingga selesai tanpa sebarang insiden yang tidak diingini. Ramai pihak yang menjangkakan bahawa keputusan PRU-15 bakal menghasilkan tiadanya parti politik yang berjaya mendapat majoriti mudah namun BN dijangkakan akan mendapat jumlah kerusi Parlimen yang tertinggi. Namun keputusan PRU-15 menunjukkan bahawa PH mendapat jumlah kerusi Parlimen yang tertinggi, diikuti PN dan kemudiannya BN. PN berjaya mendapat sokongan daripada pengundi Melayu tertinggi, diikuti BN, PH dan yang terakhir GTA. Justeru, artikel ini membincangkan mengenai faktor sokongan pengundi etnik Melayu terhadap Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, 2022. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kepada maklumat sekunder iaitu penulisan jurnal, bahan seminar dan buku akademik yang berkenaan. Hasil kajian mendapati bahawa antara faktor sokongan pengundi Melayu terhadap PN adalah kepimpinan PN (PAS dan BERSATU) yang dilihat bersih dan lain-lain. Justeru, faktor sokongan tersebut perlu dijadikan iktibar seterusnya gerak kerja politik susulan bagi menawan sokongan pengundi Melayu yang secara keseluruhannya masih mendominasi politik pilihan raya di negara ini.

Kata kunci: PRU-15; parti politik; Parlimen; Melayu; Perikatan Nasional

Abstract: The 15th General Election (PRU), 2022 is seen to take place in a state of haste and disputes between the public and politicians, especially the opposition. However, the general election was held until it was completed without any untoward incident. Many parties expected that the results of GE-15 would result in no political party winning a simple majority, but BN was expected to win the highest number of parliamentary seats. But the GE-15 results show that PH got the highest number of parliamentary seats, followed by PN and then BN. PN managed to get support from the highest number of Malay voters, followed by BN, PH and finally GTA. Therefore, this article discusses the factors of Malay ethnic voter support for the National Alliance (PN) in the 15th General Election (GE), 2022. This study uses a qualitative method which is reference to secondary data which is journal articles, conference/seminar papers and related scientific books. The results of the study found that among the factors supporting Malay voters towards PN are the leadership of PN (PAS and BERSATU) which is seen as clean, the experience and services of PN when governing the country during the era of the COVID-19 Pandemic, the influence of PN's social media (Tik Tok). Therefore, the factors of support need to be used as a guide for subsequent political action to capture the support of Malay voters who still dominate election politics in this country.

Keywords: GE-15, political party, Parliament, Malay, National Alliance

Pengenalan

Keputusan Pilihan Raya Umum ke 15 (PRU-15), 2022 menunjukkan bahawa faktor sokongan pengundi Melayu merupakan satu dapatan atau impak yang paling penting dan menonjol dalam PRU tersebut. Ini kerana jumlah kerusi Parlimen majoriti etnik Melayu dominan di negara ini (Noordin, 2023). Hal ini ditambah lagi dengan keputusan 'luar biasa' PRU di kawasan majoriti etnik Melayu yang didapati memihak kepada Perikatan Nasional iaitu kejayaan PN menawan kubu kuat BN/UMNO yang tidak pernah dimenangi selain parti keramat Orang Melayu tersebut. Meskipun terdapat beberapa ramalan daripada ahli politik terutamanya golongan veteran, pandangan daripada pengundi bukan Melayu dan analisis beberapa ahli akademik mengenai kecenderungan majoriti sokongan etnik Melayu terhadap PN namun perkara tersebut tidak menjadi paparan utama media (Muhammad Yusri, 2022).

Sebaliknya, media meramalkan BN/UMNO pula yang akan menawan kerusi majoriti etnik Melayu daripada PN dan PH. Namun demikian, keputusan PRU 2022 pada 19 November 2022/Sabtu telah menunjukkan bahawa PN berjaya menawan 74 kerusi etnik Melayu yang berkomposisikan 70 peratus dan ke atas namun BN/UMNO masih bertahan di 30 kerusi majoriti etnik Melayu di kawasan tengah Semenanjung Malaysia yang masih kental meskipun dengan kehadiran pengundi muda 18-20 tahun serta undi protes yang disebabkan beberapa faktor yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam artikel ini. Sokongan majoriti pengundi etnik Melayu terhadap PN terus menjadi perbincangan utama penganalisis politik yang mengaitkan fenomena tersebut dengan undi protes, isu yang membelenggu BN/UMNO serta PH, peranan media sosial seperti Tik Tok dalam mempromosi PN, mencanangkan isu negatif terhadap BN/UMNO dan PH dan kekukuhan jentera PN (Mohd Azhar & Kassim, 2022). Oleh itu, objektif penulisan makalah ini untuk membincangkan faktor sokongan pengundi kaum Melayu kepada Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, 2022.

Sorotan Literatur

Murray (2022a) dalam bab dalam buku yang bertajuk "No One Party Rule After GE-15" menyatakan bahawa selepas PRU-15, tidak akan ada parti politik secara bersendirian dapat membentuk Kerajaan Persekutuan. Ini kerana setiap parti politik kuat di kawasan tertentu sahaja seperti BN/UMNO di kawasan luar bandar, PH di kawasan bandar dan PAS di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja. Murray (2022b) dalam bab dalam buku yang bertajuk "GE15: The Coming Battle for the Malay Heartland" menyatakan bahawa undi Melayu akan menjadi penentu kepada kemenangan sejumlah kerusi Parlimen dan DUN dan akan mempengaruhi pembentukan kerajaan.

Muhammad Yusri (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk "PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan" menyatakan bahawa trend pengundian pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) menyaksikan perubahan pola undi popular yang menyaksikan graf populariti setiap gabungan parti politik turun naik secara signifikan. Keadaan tersebut dikatakan disumbang kelompok majoriti senyap yang lebih tertumpu untuk membuat perbandingan tanpa pembabitan secara langsung dan jelas, termasuk di platform media sosial. Keadaan itu antara lain dikatakan turut dibayangi faktor penolakan terhadap parti atau calon tertentu, selain didorong sentimen diketengahkan sepanjang tempoh berkempen.

Populariti PAS dilihat lebih terserlah, berbanding gabungan atau parti politik lain yang bertanding pada PRU-15. Populariti PAS antara lain berjaya membentuk 'tsunami politik hijau' yang mengalihkan perhatian, terutama pengundi muda untuk menyokong parti Islam itu. Pencapaian PAS lebih ke hadapan apabila berjaya menawan 49 kerusi pada PRU-15, berbanding hanya menang di 18 kerusi Parlimen pada PRU-14. Prestasi parti politik yang meningkat dalam PRU-15 adalah BERSATU (PRU 2018 dengan 13 kerusi; PRU 2022 dengan 30 kerusi) dan GPS (PRU 2018 dengan 18 kerusi; PRU 2022 dengan 23 kerusi). Parti lain mencatatkan prestasi yang menurun iaitu UMNO (PRU 2018 dengan 54 kerusi; PRU 2022 dengan 28 kerusi); DAP (PRU 2018 dengan 42 kerusi; PRU 2022 dengan 40 kerusi); PKR (PRU 2018 dengan 47 kerusi; PRU 2022 dengan 31 kerusi) dan AMANAH (PRU 2018 dengan 11 kerusi; PRU 2022 dengan 8 kerusi).

Mohd Azhar & Kassim (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk "Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional" menyatakan bahawa 'naratif 'kaum dan agama' masih relevan serta menjadi senjata utama untuk meraih sokongan khususnya dalam kalangan pengundi atas pagar dan pengundi muda. Dengan pertambahan jumlah undi baharu dan Undi18 hingga hampir 7 juta, naratif itu kerap tersiar di media sosial hingga menjadi alat indoktrinasi berkesan. Kebanyakan kajian menunjukkan media sosial menjadi medium utama golongan itu memperoleh sumber maklumat politik. Apatah lagi, jika sesuatu maklumat dan gambar disiarkan atau ditonton berulang-ulang kali hingga akhirnya tanpa panduan dan bimbingan betul, golongan itu akan menerima apa saja disuapkan. Memang pelik naratif 'kaum dan agama' masih menjadi modal dan senjata pada era teknologi digital ini. Isu sensitif inilah antara sebab perubahan 'tsunami sokongan' pengundi.

Sehari dua sebelum hari pengundian, naratif itu semakin keras dan bertubi-tubi menerjah pelbagai saluran media sosial. Sebenarnya, Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) antara lain menyebut mana-mana individu, parti atau blok politik tidak dibenarkan menggunakan isu sensitif secara terbuka yang boleh menjejaskan ketidaktertaman awam. Situasi ini amat aktif di media sosial sepanjang dua minggu tempoh berkempen, malah berterusan hingga kini. Pemimpin politik dan pencipta kandungan dengan berani mengangkat naratif agama dan kaum serta menyebarkanluaskannya di media sosial. Mereka memainkan isu kedaulatan Raja-Raja Melayu, Kristianisasi dan hak istimewa orang Melayu sebagai bahan kempen menarik pengundi, sedangkan semua isu utama kenegaraan tidak boleh diubah tanpa persetujuan Parlimen, Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja (MRR).

Justeru, pihak bertanggungjawab seperti SPR dan pihak berkaitan perlu sensitif dengan apa berlaku. Mereka perlu responsif dan bertindak kepada semua pihak sengaja menimbulkan isu sensitif berbaur agama dan kaum. Jika tidak dicegah dan dibiarkan berlarutan, defisit sosial antara kaum akan terus melebar. Malah setiap kali menjelang PRU, isu dan sentimen sama diyakini akan terus diulang sebagai indoktrinasi. Malaysia sudah merdeka selama 65 tahun, malah Ogos 2022, kita menyambut Hari Kemerdekaan dengan tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama.' Meskipun berbeza ideologi dan parti politik, kita perlu memartabatkan agenda perpaduan nasional serta berpolitik secara sihat dan profesional.

Noordin (2023) dalam artikel yang bertajuk "PAS Lencongkan Undi Anak Muda" menjelaskan bahawa pada PRU-15, 2022, PAS berjaya mendapat sokongan luar biasa daripada pengundi muda disebabkan mereka inginkan pemimpin dan parti politik yang bersih dari rasuah dan penyelewengan, keberkesanan tagline BEST (Bersih dan Stabil) dan Prihatin, naratif sentimen Melayu-Islam yang dimainkan parti tersebut, pengaruh Tik Tok melalui kempen yang berkesan dan *influencer* yang pro-PAS, dan jentera kempen PAS/PN yang agresif termasuk mengesan pengundi luar terutamanya pengundi muda dan yang tinggal di universiti untuk pulang mengundi.

Yahaya (2023) dalam buku 'Perikatan Nasional Menggugat PH BN' menjelaskan bahawa Perikatan Nasional yang mendapat sokongan majoriti pengundi Melayu muncul sebagai pencabar terkuat kepada PH+BN dalam PRU-15 hinggalah PRN-15. PN dibarisi pemimpin berpengalaman, pemimpin muda dan daripada NGO serta mempunyai pengalaman memerintah negara ketika era COVID-19 menjadikan pengundi Melayu yakin terhadap parti tersebut dan dianggap sebagai boleh menjadi pengganti kepada UMNO/BN.

Metodologi


Penulisan artikel ini berdasarkan reka bentuk kualitatif iaitu rujukan sumber sekunder yang diperkukuhkan dengan hujah analisis kritikal penulis. Bagi kaedah kajian, penulisan makalah ini menggunakan data kualitatif daripada sumber sekunder iaitu jurnal, buku ilmiah dan bahan persidangan berdasarkan PRU-15 di Malaysia yang kemudiannya dianalisis berdasarkan faktor sokongan. Data sekunder dirujuk untuk memantapkan lagi artikel ini dalam konteks ilmiah. Data sekunder adalah data berbentuk kualitatif merangkumi pengumpulan maklumat yang telah dicatatkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan maklumat sekunder didapati dengan melakukan penyelidikan kepustakaan. Segala ulasan literatur dan maklumat daripada sumber sekunder iaitu buku ilmiah, makalah jurnal serta bahan prosiding dapat memudahkan pengkaji untuk mendapatkan ilham yang berkaitan dengan bahan kajian. Selain itu, pengkaji juga memperoleh maklumat dari media elektronik seperti melayari portal bagi mendapatkan data tambahan

secara online seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal. Penganalisan data pula melibatkan gabungan antara data kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, maklumat kuantitatif iaitu data keputusan pilihan raya umum serta analisis data sekunder bagi bahan bercetak dan atas talian.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

1. Keputusan PRU-15 2022

Kadar turun mengundi adalah 73% daripada 21 juta (21,173,638) pemilih berdaftar pada PRU ini. Keputusan PRU 2022 menunjukkan bahawa tiadanya gabungan parti politik yang berjaya memperoleh majoriti mudah 112/222 kerusi Parlimen atau 'Parlimen Tergantung/*Hung Parliament*'. PH berjaya memperoleh 82 kerusi atau 36.9% (DAP 40, PKR 31, AMANAH 8, UPKO 2 dan MUDA 1), PN memperoleh 74 kerusi termasuk Parlimen Padang Serai yang diadakan semula pilihan raya disebabkan calon PKR yang meninggal dunia atau 32.9% (PAS 49 kerusi dan BERSATU 25 kerusi), BN 30 kerusi atau 13.5% (26 UMNO, 2 MCA, 1 MIC dan 1 PBR), GPS 23 kerusi atau 9.9% (PBB 14, PRS 5, PDP 2 DAN SUPP 2), GRS 6 kerusi atau 2.7% (BERSATU Sabah 4, PBS 1 dan SOLIDARITI 1), WARISAN 3 kerusi atau 1.4%, PBM 1 kerusi, KDM 1 kerusi dan Bebas 2 kerusi (Lihat Rajah 1).



Rajah 1. Peta Lokasi Geografi Semenanjung Malaysia dan Sabah-Sarawak (Kepulauan Borneo) iaitu Bahagian Parlimen yang Dimenangi Perikatan Nasional (PN) dalam PRU-15, 2022
Sumber: Diubahsuai daripada SPR (2022)

Satu kerusi Parlimen iaitu di Padang Serai, Kedah ditangguhkan pilihan raya kerana calon PKR meninggal dunia dan 1 kerusi DUN Pahang iaitu di Tioman, Pahang juga ditangguhkan pilihan raya kerana calon PN juga meninggal dunia. Pakatan Harapan (PH) yang merupakan blok kuasa terbesar dengan mendapat 82 kerusi telah memperoleh undi popular terbanyak iaitu 5,810,429 undi. Hal itu diikuti Perikatan Nasional yang mendapat 4,667,429 undi dan Barisan Nasional mendapat 3,433,298 undi. GPS mendapat 644,202, lain-lain mendapat 458,677 undi, GTA pula mendapat 111,510 undi manakala calon Bebas mendapat 109,626 undi.

Bagi jumlah ahli Parlimen mengikut etnik, terdapat 145 orang daripada etnik Melayu (PH 35, PN 72, BN 26, GPS 8, GRS 1 dan lain-lain 3), 44 orang Cina (PH 35, PN 0, BN 21, GPS 4, GRS 2 dan lain-lain 1), 10 orang India (PH 9, PN 0 dan BN 1) dan 21 orang Bumiputera Sarawak dan Sabah (PH 3, PN 1, BN 1, GPS 10, GRS 3 dan lain-lain 3).

Secara keseluruhannya, bagi kerusi Parlimen, jika dibandingkan pencapaian antara PRU 2018 dengan PRU 2022, hanya PAS, BERSATU dan GPS mencatat pertambahan jumlah kerusi yang dimenangi iaitu PAS (PRU 2018 dengan 18 kerusi; PRU 2022 dengan 49 kerusi); BERSATU (PRU 2018 dengan 13 kerusi; PRU

2022 dengan 24 kerusi) dan GPS (PRU 2018 dengan 18 kerusi; PRU 2022 dengan 23 kerusi). Parti lain mencatatkan prestasi yang menurun iaitu UMNO (PRU 2018 dengan 54 kerusi; PRU 2022 dengan 28 kerusi); DAP (PRU 2018 dengan 42 kerusi; PRU 2022 dengan 40 kerusi); PKR (PRU 2018 dengan 47 kerusi; PRU 2022 dengan 31 kerusi) dan AMANAH (PRU 2018 dengan 11 kerusi; PRU 2022 dengan 8 kerusi).

Dari segi calon hilang wang deposit, 373 calon daripada 945 calon bagi kerusi Parlimen dan 129 calon 441 calon DUN Perlis, Perak dan Pahang hilang wang deposit. Untuk kerusi Parlimen, calon GTA/PEJUANG paling ramai hilang wang deposit iaitu 116, diikuti calon Bebas 100 orang, PH 46 orang, WARISAN 29 orang, BN 24 orang, PRM 16 orang, PN 13 orang, PUTRA 9 orang dan lain-lain 24 orang.

Keputusan PRU-15 ini sangat mengejutkan, memeranjatkan serta luar biasa dan berbeza daripada jangkaan majoriti penganalisis politik. PN berjaya menawan kerusi Parlimen (seperti Padang Besar, Langkawi, Kepala Batas, Tasik Gelugor, Larut, Padang Rengas, Gerik, Kuala Kangsar, Pasir Salak, Jerantut, Maran, Kuala Krau, Rompin, Sabak Bernam, Jasin dan Mersing) dan DUN majoriti Melayu luar bandar yang merupakan kubu kuat BN/UMNO sejak PRU sebelum merdeka hinggalah PRU-14 2018. PN juga berjaya menawan kerusi Parlimen yang merupakan kubu kuat PKR di Permatang Pauh serta beberapa kerusi DUN. Selanjutnya buat pertama kali dalam sejarah politik pilihan raya di Negeri Perlis, PN berjaya menawan negeri tersebut daripada BN dengan memperoleh 14 kerusi daripada 15 kerusi DUN Perlis, 1 kerusi dimenangi PKR di Indera Mahkota. Ini boleh digelar sebagai 'Tsunami politik luar bandar majoriti Melayu' dan juga disebabkan 'Tsunami pengundi muda' serta 'Tsunami pengundi baharu 5.8 juta'.

2. Faktor Sokongan Pengundi Etnik Melayu Terhadap Perikatan Nasional (PN)

Terdapat 12 faktor yang mempengaruhi sokongan majoriti pengundi Melayu iaitu kepimpinan PN (PAS dan BERSATU) yang dilihat bersih dan berintegriti, trek rekod PN ketika memerintah negara ketika era Pandemik COVID-19, peranan media sosial PN (*Tik Tok*) yang berkesan, kepimpinan Tan Sri Muhyiddin sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi PN yang rapat dengan rakyat (panggilan 'Abah'), isu perkauman dan keagamaan, PN sebagai ganti kepada BN (UMNO), *tagline* BEST (BERSih dan STabil), kepincangan parti lawan, undi protes, jentera kempen PN yang cekap dan manifesto pilihan raya PN mengutamakan kebajikan pengundi.

Faktor pertama adalah kepimpinan PN (PAS dan BERSATU) yang dilihat bersih. Sehingga kempen PRU 2022, kepimpinan PN yang merangkumi BERSATU, PAS dan GERAKAN belum terpalit dengan kes pendakwaan di mahkamah sama ada oleh pihak polis, SPRM mahupun pihak penguatkuasaan yang lain yang melibatkan dana awam/kerajaan. Dalam memimpin, rakyat akan melihat dan mempercayai kepimpinan yang amanah dalam menjalankan tanggungjawab untuk memerintah dalam mana-mana peringkat pentadbiran sama ada peringkat DUN, Parlimen, negeri dan negara. Dana awam/kerajaan yang melibatkan duit negara dan duit pembayar cukai perlu diguna sebaiknya tanpa diselewengkan supaya tidak berlaku ketirisan, pembaziran dan kerugian. Ini penting kerana setiap sen duit kerajaan dan rakyat mesti dimanfaatkan semaksimum mungkin untuk kepentingan dan kebajikan rakyat (Agenda Massa, 2022). Oleh itu, dengan imej kepimpinan PN yang dilihat bersih maka pengundi terutamanya golongan atas pagar memberikan undi mereka kepada sesiapa sahaja calon PN dalam PRU 2022.

Faktor kedua adalah trek rekod PN ketika mentadbir negara ketika era Pandemik COVID-19. Sebagaimana semua sedia maklum bahawa ketika negara menghadapi penularan wabak COVID-19, Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin telah membelanjakan sejumlah RM530 bilion dana negara untuk kebajikan seluruh rakyat yang terkesan dengan penularan wabak tersebut. Perbelanjaan tersebut termasuklah bantuan secara terus kepada individu atau keluarga, bantuan perubatan, bantuan perniagaan, bantuan pekerjaan, bantuan Pendidikan, bantuan moratorium pinjaman bank, bantuan pengeluaran KWSP dan sebagainya. Oleh itu sebagai kesimpulannya, rakyat sangat teruja dan menghargai serta terkesan dengan semua bantuan tersebut. Rakyat terus mengingati segala bantuan dan jasa kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin maka jasa tersebut diterjemahkan melalui sokongan rakyat/pengundi dalam PRU 2022.

Faktor ketiga adalah pengaruh media sosial PN (*Tik Tok*) yang berkesan. Persepsi, partisipasi dan sentimen pengundi antaranya disebabkan oleh maklumat dan peranan yang dimainkan oleh media sosial dalam

membentuk mindset pengundi untuk menyokong atau mengundi mana-mana pihak. Media sosial sangat berpengaruh terhadap golongan yang tahu dan minat melayari sumber maklumat yang sangat cepat dan menarik tersebut. Peranan media sosial dalam menyampaikan maklumat ini sama ada dalam bentuk positif ataupun negatif. Dalam PRU 2022, penggunaan media sosial *Tik Tok* paling tinggi dilayari pengundi terutamanya pengundi muda. *Tik Tok* dapat mempengaruhi minda penggunanya dengan paparan maklumat yang ringkas, padat, efektif dan menarik; serta penggunaan audio dan video yang menarik serta merupakan media percuma dan mudah diakses pengguna. PN melalui pemuda PAS pusat menetapkan usul bahawa jentera kempen PAS dan juga PN perlu memanfaatkan penggunaan *Tik Tok* untuk kempen kepada penggunaan media sosial tersebut sejak Mei 2022 lagi. Justeru, jentera siber PN terutamanya daripada PAS yang ramai, efisien dan tersusun menjadikan paparan maklumat positif dan negatif dalam kempen mereka telah berjaya mempengaruhi minda penggunanya terutamanya golongan muda untuk menyokong seterusnya mengundi calon daripada parti politik tersebut.

Maklumat positif berkenaan PN antaranya biodata calon PN, manifesto PN, trek rekod calon dan PN serta rayuan untuk mengundi calon PN. Maklumat negatif yang dipaparkan dalam *Tik Tok* adalah seperti keburukan dan kelemahan parti lawan iaitu PH dan BN. Antara maklumat negatif yang dipaparkan dalam media sosial tersebut adalah seperti peristiwa 13 Mei 1969 yang mencetuskan kekacauan jika PH memerintah; pelajar sekolah perlu pakai kain *skirt* tidak menutup aurat jika PH menjadi kerajaan; calon PM dari PH iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dikaitkan dengan LGBT, liberal, pro komunis, pro Barat terutamanya Amerika, sebagai bekas banduan; BN/UMNO yang dikaitkan dengan kluster mahkamah, menyeleweng dana kerajaan, mengamalkan rasuah, menipu dan memanipulasi sesuatu fakta dan menyalahguna kuasa demi kepentingan diri pemimpin, gagal membantu orang Melayu dan Islam dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga *influencer* *Tik Tok* yang berkempen bagi memenangkan calon PN dengan cara masing-masing. Dengan itu, pengikut *influencer* tersebut akan terpengaruh dan mengikuti sebarang saranan *influencer* *Tik Tok* tersebut untuk menyokong seterusnya mengundi calon PN dalam PRU-15, 2022.

Faktor keempat adalah kepimpinan Tan Sri Muhyiddin sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi PN yang mesra rakyat (panggilan 'Abah'). Imej personal secara peribadi individu pemimpin ini akan memberi kesan sentimental yang mendalam terhadap pengundi (Murray, 2022a). Dengan penguasaan media kerajaan iaitu televisyen dan radio yang dikuasai PN serta peranan media sosial seperti *Tik Tok* maka pemaparan maklumat dalam bentuk imej kepimpinan tersebut lebih mudah, cepat dan efisien kepada golongan sasar sama ada golongan tidak celik media social dan sebaliknya (Junaidi, 2022a). Imej Tan Sri Muhyiddin yang dipanggil sebagai 'abah' dilihat sebagai ayah atau bapa kepada seluruh rakyat Malaysia yang lebih mesra dan rapat dengan rakyat sebagai satu keluarga. Beliau tidak kedekut untuk membelanjakan dana negara untuk rakyat. Hal inilah yang disukai rakyat terhadap beliau. Selain itu, paparan gambar beliau sedang solat sebagai imam kepada makmum dan berdoa dilihat sebagai imej warak, tawaduk, soleh dan baik demi kesejahteraan rakyat di negara ini. Justeru, imej yang positif tersebut turut menjadi faktor beliau sebagai 'poster boy' untuk calon Perdana Menteri jika PN menang dalam PRU 2022.

Faktor kelima adalah isu perkauman dan keagamaan. Isu ini sangat mempengaruhi perasaan sesuatu kaum atau penganut agama kerana kedua-dua isu tersebut menanam sikap fanatik, taksub dan wala'/patuh kepada ciri dan ajaran kedua-dua identiti tersebut. Politik identiti yang berteraskan bangsa dan agama tersebut memandang bangsa dan agama mereka lebih hebat atau tinggi atau benar berbanding pihak lain. Selain itu, mereka juga turut ditakutkan dengan ancaman dan konflik yang bakal terjadi jika pihak lain menguasai mereka. Oleh itu, isu perkauman dan keagamaan boleh dimainkan dalam 2 sisi iaitu sama ada secara positif dan secara negatif (Murray, 2022b). Kempen secara positif bermaksud perjuangan untuk mengangkat martabat, mendapat ganjaran jika sokongan diberikan dan menjalankan program untuk mengukuhkan sesuatu kaum dan agama. Kempen secara negatif pula bermaksud kempen yang meresahkan, menakutkan dan menimbulkan kebimbangan sesuatu kaum atau penganut agama tertentu jika pihak lawan diberi mandat atau kuasa. Di negara ini, kaum Melayu disinonimkan dengan agama Islam. PN yang dianggotai PAS yang merupakan parti yang memperjuangkan agama Islam dan BERSATU yang memperjuangkan bangsa Melayu sepastinya menggunakan sepenuh ruang isu agama dan bangsa untuk meraih sokongan pengundi terutamanya

pengundi Melayu-Islam bagi memenangi sebanyak mungkin kerusi Parlimen atau DUN majoriti etnik Melayu-Islam (Junaidi, 2023a).

Dalam kempen PRU 2022 sama ada melalui bahan kempen salinan keras seperti pamflet dan media sosial seperti *Tik Tok*, isu positif mengenai kaum dan agama oleh PN adalah seperti janji pilihan raya melalui manifesto untuk memperjuangkan dan memartabatkan kaum Melayu dan agama Islam melalui memperbanyakkan program pengukuhan bangsa Melayu, pengukuhan undang-undang serta syiar Islam, sokongan untuk mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah SWT, redha dengan ketentuanNya seperti keadaan yang berlaku di Kelantan, berbuat baik dan soleh sesama insan, beribadah kepada Allah SWT, bersedekah di jalan Allah SWT, mendengar dan menimba ilmu agama Islam ketika kuliah agama dan ceramah, dan sokongan yang diberikan akan dibalas dengan ganjaran pahala dan syurga pada masa di akhirat nanti. Isu negatif yang dimainkan PN dalam kempen PRU 2022 jika adalah seperti jika PH memerintah DAP yang dikuasai kaum Cina akan meminggirkan orang Melayu dan hal ehwal Islam akan dianaktirikan; akan berlaku pergaduhan kaum seperti peristiwa 13 Mei 1969 jika PH memerintah negara ini; Islam-Melayu terancam jika PH memerintah Malaysia; UMNO mengenyepikan kepentingan Orang Melayu dan lebih mengutamakan kepentingan diri pemimpin dan sebagainya (Junaidi, 2022b) Oleh itu, isu perkauman dan agama ini dapat mengikat sokongan pengundi kepada parti politik yang memperjuangkan kaum dan agama melalui sentimen wala'/kepatuhan kepada arahan pemimpin, fanatik dan taksub dengan menanam sikap membenci, curiga, berprasangka buruk, menjauhi, mengadu-domba, mengapikan, menakut-nakutkan, memburuk-burukkan, menyalahkan, menghina, memperlekeh, mengaibkan pihak yang berlawanan dengan parti lawan (Mohd Azhar & Kassim, 2022) Justeru, PN berjaya menggunakan isu kaum dan agama untuk meraih sokongan pengundi Melayu-Islam dan pengundi muda seterusnya berjaya menawan kerusi majoriti Melayu 70 peratus dan ke atas.

Faktor keenam adalah PN sebagai ganti kepada BN (UMNO). Sepertimana sedia maklum bahawa PN dianggotai PAS yang memperjuangkan Islam-Melayu dan BERSATU yang memperjuangkan Melayu-Islam. Sejak PRU 2018 sehinggalah PRU 2022, BN yang diterajui UMNO yang selama ini menjadi tonggak dan parti keramat Orang Melayu masih mengalami defisit kepercayaan dan sokongan orang Melayu disebabkan isu atau masalah kepimpinan dan isu integriti. Bersandarkan pesanan bekas Perdana Menteri iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak ketika PAS bergabung dengan BN/UMNO pada kempen PRU 1974, beliau ada menyatakan bahawa jika berlaku sesuatu yang buruk terhadap UMNO, pengundi Melayu-Islam mesti menyokong PAS sebagai alternatif untuk memperjuangkan Melayu-Islam. Pesanan tersebut terbuku dihati pengundi yang berumur antara 50 tahun dan ke atas maka tidak hairanlah majoriti pengundi dewasa ini yang sebahagiannya daripada ahli UMNO dan sebahagian pengundi Melayu atas pagar beralih daripada mengundi BN/UMNO kepada mengundi PAS atau calon PN daripada BERSATU pada PRU 2022 yang lalu.

Faktor ketujuh adalah tagline BEST (BERSih dan STabil). *Tagline* atau slogan yang digunakan oleh parti politik juga dapat mempengaruhi pengundi untuk menyokong atau mengundi sesuatu parti politik. PN yang mempunyai ramai pemikir yang kreatif dilihat berjaya mencipta slogan atau tagline yang menarik dan sesuai dengan keadaan politik semasa. *Tagline* 'BERSih' menunjukkan kepimpinan PN yang bersih, tiada pemimpin PN yang terpalit dengan kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan dana awam/kerajaan. 'Stabil' pula bermaksud politik dalaman PN iaitu sama ada dalaman PAS, dalaman BERSATU, dalaman GERAKAN; dan antara PAS, BERSATU dan GERAKAN yang stabil, kukuh, sepakat, berdisiplin, tiada pergaduhan, tiada perselisihan faham dan perang mulut. Dengan keadaan politik PN yang bersih dan stabil tersebut maka rakyat yakin bahawa kepimpinan PN layak diberi kepercayaan untuk memerintah negeri atau negara dengan naman dan konsisten maka berlakulah gelombang sokongan pengundi Melayu secara agak besar-besaran kepada calon PN dalam PRU 2022 yang lalu.

Faktor kelapan adalah kepincangan parti lawan. Sokongan besar-besaran pengundi Melayu-Islam terhadap PN seterusnya kemenangan PN di kawasan majoriti etnik Melayu-Islam tersebut adalah antaranya kerana kelemahan parti lawan yang utama iaitu BN dan PH. Kelemahan parti lawan ini dicanang oleh media sosial PN melalui *Tik Tok* dan juga dalam siri ceramah pemimpin PN secara fizikal dan rakaman dalam media sosial. Antara kelemahan PH yang dicanangkan dalam kempen PRU 2022 adalah kegagalan pemerintahan PH selama 22 bulan selepas PRU 2018 sama ada dalam menunaikan manifesto pilihan raya mahupun dalam menyelesaikan krisis sosioekonomi luar jangka seperti masalah ekonomi dan masalah wabak COVID-19; isu

sokongan dominan undi bukan Melayu terutamanya daripada etnik Cina terhadap PH boleh menggugat hak dan kesitimewaan Orang Melayu; isu dominasi ahli Parlimen dan ADUN DAP yang memperjuangkan kesamarataan kaum di negara ini yang dianggap boleh menggugat ketuanan Melayu; isu perbezaan pandangan dalam kalangan pemimpin parti politik dalam PH yang dilihat boleh menjejaskan keharmonian dan kestabilan pemerintahan negara dan negeri; isu nilai dan kepercayaan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dilihat terlalu menginginkan jawatan Perdana Menteri serta pernah membuat kenyataan untuk menjatuhkan kerajaan sebelum ini; isu moral DSAI yang dikaitkan dengan bekas banduan, isu liwat, LGBT, liberal, anti Melayu, anti-Islam, pernah menggunakan bahasa kasar, dan mempunyai karekter yang pelbagai/berubah-ubah atau hipokrit seperti imej Islamik kemudian boleh bernyanyi dan menari ketika kempen pilihan raya atau majlis keramaian lain; isu kelulusan akademik yang diragui; isu kluster mahkamah pemimpin UMNO; isu penyelewengan, penipuan dan salahguna kuasa pemimpin UMNO; isu pengabaian isu dan masalah rakyat di kawasan yang dikuasai PH dan BN; kelemahan jentera kempen BN dan PH dan sebagainya. Justeru, kelemahan parti lawan ini dapat dijadikan 'peluru' oleh jentera kempen PN untuk dijadikan modal bagi menyerang parti lawan sama ada melalui media sosial mahupun dalam ceramah secara fizikal. Akhirnya kelemahan parti lawan ini menyebabkan sebahagian undi daripada penyokong parti lawan dan undi golongan muda beralih kepada PN terutamanya di kawasan majoriti kaum Melayu.

Faktor kesembilan adalah undi protes. Undi protes bermaksud undi yang diberi kepada pihak lawan kerana tidak berpuas hati dengan tindakan parti sokongan asal disebabkan faktor tertentu. Dalam PRU 2022, didapati berlaku undi protes oleh pengundi Melayu sama ada pengundi ahli parti atau pengundi atas pagar terhadap BN/UMNO dan juga PH. Secara umumnya terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mencetuskan undi protes, antaranya adalah PRU diadakan ketika musim tengkujuh/hujan iaitu November 2022, PRU diadakan belum cukup tempoh 5 tahun penggal sidang pertama Parlimen yang hanya akan tamat pada 16 Julai 2023; calon pilihan tidak terpilih dalam PRU 2023; kepimpinan utama parti asal yang bermasalah; isu setempat yang tidak diselesaikan dengan baik; pemimpin politik yang terlalu asyik berpolitik sehingga tidak menjalankan tanggungjawab sebagai wakil rakyat dengan baik dan berkesan; tidak mendapat faedah atau habuan daripada parti yang didokong sebelum ini; kecewa dengan isu semasa; tidak menunaikan janji dan sebagainya. Oleh itu, undi protes daripada pengundi terhadap BN dan PH memberi kelebihan kepada PN untuk mengaut undi sebanyak yang mungkin seterusnya berjaya menawan banyak kerusi Parlimen dan DUN termasuk di kubu kuat BN/UMNO dan PH/PKR (Mohd Noor, 2023).

Faktor kesepuluh adalah jentera kempen PN yang berkesan. Jentera kempen PN terutamanya daripada PAS merupakan jentera yang berpengalaman, cekap, ikhlas tanpa mengharap sebarang imbuhan dan bekerja bersungguh-sungguh demi kejayaan parti. Jentera kempen ini terdiri daripada pelbagai peranan seperti sebagai pengiring Ketika hari penamaan calon dan pengisytiharan keputusan pilihan raya, pemasangan bendera dan poster, kempen rumah ke rumah, kempen menyampaikan risalah di tempat tumpuan orang ramai, menjaga pondok panas, sebagai penceramah, jentera *cybertrooper* (media sosial) dan petugas parti dengan SPR sebagai polling agent dan counting agent. Dengan adanya jentera parti pada peringkat cawangan, Unit Peti Undi (UPU), Majlis Tindakan DUN (MTD) dan Kawasan/Parlimen maka jentera PN lebih ramai dan dibahagikan secara sistematik mengikut biro atau AJK yang telah ditetapkan. Jentera pada peringkat cawangan juga boleh membuat culaan atau bacaan sikap pengundi mengikut 3 kategori iaitu pengundi putih (penyokong parti), pengundi kelabu (atas pagar dan boleh berubah mengikut keadaan) dan pengundi hitam (penyokong tegar parti lawan). Justeru, culaan ini memudahkan golongan sasar yang masih boleh dikempenkan supaya menyokong parti mereka dalam pilihan raya. Jentera parti juga bertindak untuk menjaga kebajikan pengundi di kawasan masing-masing terutamanya ketika menghadapi kecemasan segera. Selain itu, kempen secara tradisional juga dilihat dikuasai oleh PN iaitu pemasangan *banner*, *bunting*, *billboard* dan kain rentang bahan kempen seperti bendera parti, poster calon, risalah kempen, bahan manifesto dan sebagainya di hampir kesemua kawasan pilihan raya dalam PRU 2022 juga dapat dilihat bahawa didominasi oleh PN (Junaidi, 2023b). Oleh itu, kecekapan, sistematik, disiplin dan keikhlasan jentera PN/PAS turut menjadi faktor kejayaan parti tersebut mendapat sokongan daripada pengundi terutamanya golongan atas pagar.

Faktor kesebelas adalah manifesto pilihan raya PN yang dekat dihati pengundi. Manifesto pilihan raya adalah tawaran yang dikemukakan kepada pengundi jika dipilih dalam pilihan raya sama ada peringkat DUN,

Parlimen, Negeri bahkan Negara. Kebiasaannya, untuk mensekukan tawaran tersebut maka manifesto yang ditawarkan adalah pada peringkat nasional/negara. Dalam PRU 2022, PN menawarkan manifesto yang bersifat realistik atau boleh capai berdasarkan pengalaman mereka memerintah negara ini antara Mac 2020 sehingga Mei 2021. Antara 12 tawaran yang dijadikan tunjang adalah membina ekonomi masa hadapan dengan membangunkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sebagai sumber utama pertumbuhan ekonomi, meningkatkan nilai dan taraf hidup rakyat dengan mewujudkan sebuah agensi tunggal yang akan menjadi pusat sehenti yang menyelaras pelbagai bentuk subsidi dan pemberian kepada rakyat dan memberi peruntukan sebanyak 50 hingga 70 billion ringgit (Yahaya, 2023). Justeru, berbekalkan tawaran tersebut maka pengundi Melayu memberi peluang kepada PN dengan memenangi kawasan majoriti Melayu di kawasan yang ditandingi parti tersebut.

Faktor keduabelas adalah pengundi luar kawasan/perantau. Terdapat 2 kategori pengundi luar kawasan iaitu pengundi pelajar dan pengundi bekerja. Kedua-dua kategori pengundi luar kawasan tersebut berjaya dipengaruhi oleh kempen PN disebabkan beberapa faktor iaitu peranan media sosial seperti Tik Tok; majlis pertemuan antara Menteri Besar dan kepimpinan PN negeri dengan pengundi luar/perantau dengan diberikan makan percuma, *goodies bag*/bahan kempen, duit saku dan ceramah daripada kepimpinan agar mengundi calon PN/PAS dalam PRU 2022; dan kempen pulang mengundi anak perantau/pengundi luar dengan bas yang ditempah khas untuk pulang mengundi terutamanya pengundi pelajar universiti yang berumur antara 18-24 tahun dengan person in-charge (PIC) setiap negeri destinasi (Noordin, 2023). Bagi pengundi luar yang pulang sendiri, mereka diberikan wang tambang bas pergi balik sebanyak RM 300 berbanding BN hanya RM 50 (terdapat juga tiada peruntukan daripada BN negeri tertentu) dan tiada peruntukan daripada PH (Muhammad Yusri, 2022). Justeru, peranan dan ambil berat/cakna jentera PN terhadap pengundi luar kawasan/perantau telah berjaya mempengaruhi mereka untuk mengundi PN dalam PRU 2022.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, keputusan PRU 2022 yang menghasilkan sokongan padu pengundi Melayu terhadap PN adalah satu keputusan di luar jangkaan ramai pihak. Pengundi Melayu menyembunyikan arah sokongan mereka sepanjang kempen PRU 2022 sehinggalah tiba di peti undi pada 19 November 2022. Sokongan di peti undi tersebut mencetuskan gelombang yang membadai di hampir kesemua kawasan majoriti etnik Melayu 70 peratus ke atas termasuk kubu kuat BN/UMNO di Perak, Pahang, Kelantan, Kedah dan Perlis. Persoalannya, adakah gelombang sokongan etnik Melayu terhadap PN ini akan berterusan menuju dalam beberapa PRU akan datang seperti sokongan pengundi etnik Cina terhadap PH sejak PRU 2008 secara konsisten hinggalah PRU 2022? Inilah politik. Politik itu dinamik, berseni, tiada yang mustahil dan sukar ditelah. Justeru, semua pihak terutamanya kepimpinan parti politik perlu menampilkan imej yang baik dan bersih, mengutamakan kebajikan rakyat, tidak memandang mudah gelombang sokongan pengundi dan tidak menyusahkan pengundi.

Penghargaan: Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan di seluruh Malaysia. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

Agenda Massa. (2022). *Dari PRU-14 ke PRU-15*. Enigma Fikir Sdn. Bhd.

Junaidi, A. B. (2022a, November 9). Mahu Pengundi Pilih Calon. *GETARAN*. <https://www.getaran.my/artikel/politik/34743/poster-tok-mat-penuhi-rembau-itu-bukti-bn-mahu-pengundi-pilih-calon>.

Junaidi, A. B. (2022b, November 16). INTERACTIVE: In GE15s battle for rural seats, here is what you need to know. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/11/16/interactive-in-ge15s-battle-for-rural-seats-here-is-what-you-need-to-know>.

- Junaidi, A. B. (2023a). Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(1), 168-180. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2001.14>
- Junaidi, A. B. (2023b). PRU-15: Tiadanya parti politik yang menang majoriti Mudah 112 Kerusi Parlimen untuk membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(31), 97-121. <http://dx.doi.org/10.35631/IJLGC.831008>
- Mohd Azhar, A. H. & Kassim, T. (2022, November 23). Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1030277/naratif-kaum-dan-agama-mampu-gugat-agenda-perpaduan-nasional..>
- Mohd Noor, Y. (2023, February). *Perkembangan politik Malaysia Pasca PRU-15*. Dewan Masyarakat. Jilid 60.
- Muhammad Yusri, M. (2022, November 20). PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028982/pru15-pola-undi-popular-berubah-secara-signifikan>.
- Murray, H. (2022a). No one party rule after GE-15. In M. Hunter. & L. Teck Ghee. *Malaysia towards GE15 and Beyond*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Murray, H. (2022b). GE15: The coming battle for the Malay Heartland. In L. Teck Ghee & M. Hunter. *Dark forces changing Malaysia*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Noordin, Z. (2023). PAS Lencongkan undi anak muda. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 34-35.
- Yahaya, I. (2023). *Perikatan Nasional menggugat PH BN*. Usaha Teguh Sdn. Bhd.